



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/05/41 (HQ)

### **HUBUNGI TNB JIKA TERIMA TAWARAN KERJA YANG MENCURIGAKAN**

Orang ramai dinasihatkan agar berwaspada sekiranya ditawarkan pekerjaan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa melalui proses pengambilan warga kerja yang diamalkan Syarikat tersebut.

Pihak TNB telah menerima aduan mengenai tawaran kerja oleh individu yang menyamar sebagai warga kerja TNB.

Individu tersebut meminta sejumlah wang sebagai ganjaran kerja selain memajukan surat tawaran kerja palsu.

Pengambilan warga kerja TNB adalah dibuat menerusi iklan termasuklah di laman web TNB [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau terus ke link <https://emadis.tnb.com.my> serta portal **JobStreet.com** dan bukannya melalui individu tertentu.

TNB juga tidak sama sekali meminta atau menerima sebarang pembayaran dari pemohon kerana proses permohonan jawatan di TNB tidak membabitkan apa-apa bayaran.

Sekiranya menerima tawaran kerja yang mencurigakan, orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi TNB di talian 03-22966537 atau 03-22966818.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Mei 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*